

Orang makan orang

METRO AHAD 16.05/2010 MIS D10

Seorang lelaki bunuh lapan wanita
kerana ketagih daging manusia



CEDERA...

Zepeda (kanan)
diberi rawatan
ketika cuba
melarikan diri.

GHAIRAH untuk merasa keenakan daging manusia, penulis Mexico, Jose Luis Calva Zepeda, 38, tergamak membunuh lapan wanita, termasuk teman wanitanya.

Bukan sekadar membunuh

dan memakan mayat mangsanya, malah Zepeda dengan berani turut menulis sebuah buku 'Cannibal Instincts of 12 Days' (12 Hari Naluri Kanibal), yang menggambarkan nafsu dan perasaannya untuk merasa dan menjamah daging mangsanya.

Zepeda yang dipercayai mengalami tekanan perasaan sejak kecil dikatakan mula

membenci wanita apabila ibunya sering membawa lelaki ke rumah hanya beberapa minggu selepas kematian bapanya.

Ketika berusia tujuh tahun pula, dia diliwat beberapa kali oleh rakan abangnya ketika tinggal bersendirian di rumah.

Selain itu, apabila berusia 27 tahun, rumah tangga yang dibinanya musnah apabila isteri lari membawa dua anak mereka sebelum meminta cerai.

Disebabkan itu Zepeda dipercayai mengalami tekanan perasaan yang teramat sangat serta berdendam dengan wanita.

Kisah jenayah pembunuhan Zepeda dipercayai bermula pada September 2007 apabila dia mula menulis buku berkenaan.

Bagi membolehkan dia melengkapkan buku itu, Zepeda dikatakan mengambil jalan mudah dan nekad dengan merasai pengalaman bagaimana untuk menjerat, membunuh dan menyang tubuh mangsanya yang semuanya wanita sebelum dijadikan lauk.

Berdasarkan siasatan polis, tujuh mangsa yang dibunuh Zepeda diperangkap olehnya menerusi khidmat carian teman di Internet.

Zepeda menukar nama serta status dirinya sebagai individu yang mencari teman wanita dan berhasrat menemui sesiapa yang berminat untuk keluar makan malam bersamanya.

Bagi memudahkan dia

menjerat mangsanya, Zepeda dikatakan turut membelikan sebuah hadiah di setiap pertemuan pertama dengan wanita yang dijumpai sebelum menyatakan hasrat mengajak mereka makan malam di rumah pada hari lain.

Ternyata taktik digunakannya berjaya memerangkap tujuh wanita terbabit yang kemudian mati dibunuh sebaik membawa mereka pulang ke rumahnya.

Dia dilaporkan menghidang serta menjamu semua wanita terbabit dengan beberapa jenis arak serta wain bagi membolehkan mangsanya mabuk sebelum menikam dan mengelar leher hingga mati.

Tubuh mangsanya yang kaku dilapah dan dipotong kepada beberapa bahagian sebelum dia memasak serta menggorengnya untuk dijadikan makanan.

Semua perasaannya sewaktu membunuh dan melapah tubuh mangsa turut dicatat dalam buku berkenaan.

Malah, dia juga menulis bagaimana ghairah perasaannya untuk merasai setiap daging mangsa yang dimasukkannya serta keghairahan dirinya untuk merasai perbezaan daging antara wanita lain.

Bagaimanapun, jenayah kejam Zepeda akhirnya terbongkar apabila dia membunuh teman wanitanya, Alejandra Galeana, pada 6 Oktober 2007.

Berdasarkan siasatan, Zepeda adalah orang terakhir

dilihat bersama Alejandra.

Disebabkan itu, sepasukan anggota polis menyerbu rumah Zepeda sebelum terkejut melihat lelaki berkenaan asyik menikmati satu hidangan istimewa iaitu daging manusia yang dimasak bersama lemon.

Terkejut dengan serbuan polis, dia dikatakan nekad terjun dari apartmen didudukinya, namun bernasib malang apabila berjaya ditahan akibat mengalami kecederaan.

Ketika serbuan, siasatan polis di rumah Zepeda menemui mayat Alejandra yang sebahagiannya dilapah dan dipotong serta disimpan di dalam peti sejuk bersama beberapa daging dipercayai milik wanita lain.

Pihak berkuasa juga menjumpai beberapa helai pakaian wanita penuh dengan kesan darah milik mangsa yang diperangkap olehnya.

Walaupun sehingga kini polis Mexico gagal meniasat punca sebenar Zepeda bertindak demikian, namun siasatan awal percaya trauma dihadapinya sejak kecil membuatkan dia berdendam dengan wanita.

Kes jenayah dilakukan Zepeda menjadi bualan hangat pada ketika itu berikutan ia kes pertama dilaporkan di Mexico sejak 500 tahun sebelum itu.

Selepas beberapa hari ditahan, pada 11 Disember 2007, Zepeda ditemui mati tergantung di dalam sel tahanan yang dipercayai membunuh diri.



Info

NAMA: Jose Luis Calva Zepeda

USIA: 38 tahun (pada 2007)

LAHIR: 20 Jun 1969 di Mexico City, Mexico

FAKTA KES: Didakwa terbabit dalam lapan kes pembunuhan wanita, termasuk teman wanitanya, sekitar Mexico City, selain dituduh memakan mayat seorang mangsanya

STATUS KES: Zepeda ditahan pada Oktober 2007 selepas disyaki terbabit dalam kes kehilangan teman wanitanya dan membunuh dirinya pada 11 Disember 2007 dengan menggantung diri menggunakan tali pinggang pada palang kayu sel tahanan yang didudukinya



'Dios me habló'

Siudad todavía recuerda los conceptos que le daba a su hijo Alejandra: "Alejandra de ese hombre, no me gusta y me da mala espina". Y no estaba equivocada.

Judith, madre de una de las víctimas, sobrevivió al novio de su hijo Verónica en cuatro ocasiones, las que le bastaron para saber que él era una mala influencia.

Las dos coinciden el amor fue la perdición de sus hijos. Los poemas que José les hizo provocaron el efecto deseado: enamorarlos.

Peritos en psicología forense, que realizan estudios al llamado "poeta canibal", señalan que José Luis Calva Zepeda presenta actualmente la fase final de un homicida serial.

"Es el que poema que Dios le habló", explica un especialista. Y esto también lo corroboran los textos encontrados en el domicilio del acusado, el mismo lu-

El mundo nunca ha conocido a un asesino tan cruel como él. Él sabía lo que estaba haciendo y lo hacía con una precisión que no se veía en otros asesinos. Nunca lo...

Instintos Caníbales



gar donde el lunes pasado hallaron el cadáver mutilado de Alejandra, en la Colonia Guerrero. En el libro "El Carruaje", Calva Zepeda escribe: "Dedico estas palabras a la creación más grande del universo, que soy yo"

Staff